

CABARAN BAHAGIAN SOKONGAN KELUARGA (BSK) KELANTAN DALAM MENTADBIR PENGUATKUASAAN PERINTAH NAFKAH

CHALLENGES OF THE KELANTAN FAMILY SUPPORT DIVISION (BSK) ADMINISTERING THE ENFORCEMENT OF MAINTENANCE ORDER

Nur Ain Nazifa Mohd Zawawi¹
Farah Safura Muhammad^{2*}

^{1,2} Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, 23000 Dungun Terengganu, Malaysia
*Corresponding author: farahsafura@uitm.edu.my

Article history

Received date : 6-5-2025
Revised date : 7-5-2025
Accepted date : 18-6-2025
Published date : 15-7-2025

To cite this document:

Mohd Zawawi, N. A. N., & Muhammad, F. S. (2025). Cabaran Bahagian Sokongan Keluarga (BSK) Kelantan dalam mentadbir penguatkuasaan perintah nafkah. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 10 (73), 810 - 826.

Abstrak: Kegagalan membayar nafkah kepada isteri adalah salah satu cabaran utama dalam kes Mahkamah Syariah. Permasalahan membayar nafkah juga merupakan isu utama dalam mengukuhkan Bahagian Sokongan Keluarga (BSK). Selain itu, aduan wanita mengenai kegagalan perintah nafkah di Bahagian Sokongan Keluarga menjadi kebiasaan dan semakin parah. Bahagian Sokongan Keluarga (BSK) mempunyai tiga Unit Penguatkuasaan untuk membantu pelancaran pengurusan wanita-wanita yang membuat aduan iaitu Unit Khidmat Nasihat Perundungan (UKNP), Unit Penguatkuasaan dan Pelaksanaan Perintah (UPPP) dan Unit Pengurusan Dana (UPD). Melalui bantuan tiga unit tersebut, lima penguatkuasaan akan diperintahkan oleh Mahkamah Syariah iaitu Saman Penghutang Penghakiman, Notis Penghakiman, Penyitaan dan Penjualan, Hiwalah dan Perintah Pengkomitan. Walaubagaimanapun, terdapat beberapa kekangan yang dihadapi untuk menguatkuasakan perintah tersebut antaranya ialah kekurangan pegawai BSK yang mempunyai tauliah rasmi untuk mengendalikan kes. Hal ini menyebabkan mereka tidak dapat mewakili plaintif untuk menyelesaikan kes tunggakan dan terpaksa meminta bantuan daripada Jabatan Bantuan Guaman. Selain itu, tuntutan secara manual dan penyediaan dokumen dariapada wanita-wanita yang menuntut juga dilihat salah satu permasalahan dalam kajian ini. Oleh itu, objektif kajian ini adalah ingin meneliti pengurusan penguatkuasaan perintah nafkah yang dijalankan di Bahagian Sokongan Keluarga. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan menemubual seorang Pegawai Syariah, seorang Pegawai Bahagian Sokongan Keluarga, Seorang Ahli Akademik dan dua orang wanita yang menuntut nafkah. Setelah itu, kajian ini mengaplikasikan metod analisis pengumpulan data melalui dokumen dan juga temubual yang menggunakan kaedah tematik. Hasil kajian ini mendapati terdapat empat cabaran penguatkuasaan perintah nafkah di BSK iaitu pengabaian pihak suami, prosedur yang panjang, penggunaan dokumentasi yang banyak dan kekurangan kakitangan BSK.

Walaubagaimanapun, Bahagian Sokongan Keluarga BSK sedaya upaya membantu golongan wanita untuk mendapatkan hak mereka. Kemajuan pentadbiran penguatkuasaan perintah juga perlu ditingkatkan oleh BSK supaya perkara ini dapat disumbangkan kepada pembangunan Malaysia Madani. Pendekatan teras Malaysia Madani yang diperkenalkan oleh Perdana Menteri Malaysia, adalah bertujuan menekankan pembangunan keluarga dan masyarakat Malaysia yang lebih berkembang secara sosial dan harmoni.

Kata Kunci: *Bahagian Sokongan Keluarga, pentadbiran, cabaran, perintah penguatkuasaan, wanita.*

Abstract: *Failure to pay maintenance to wives is one of the main challenges in Syariah Court cases. The problem of paying maintenance is also a major issue in strengthening the Family Support Division (BSK). In addition, women's complaints about the failure of maintenance orders at the Family Support Division have become common and are getting worse. The Family Support Division (BSK) has three Enforcement Units to assist in the management of women who make complaints, namely the Legal Advisory Services Unit (UKNP), the Enforcement and Execution Unit (UPPP) and the Fund Management Unit (UPD). Through the assistance of the three units, five enforcements will be ordered by the Syariah Court, namely Judgment Debtor Summons, Judgment Notice, Seizure and Sale, Hiwalah and Committal Order. However, there are several constraints faced in enforcing the orders, including the lack of BSK officers who have official credentials to handle cases. This resulted in them being pending to represent plaintiffs to resolve arrears cases and having to seek assistance from the Legal Aid Department (JBG). In addition, manual claims and the preparation of documents from women who claimed were also seen as one of the problems in this study. Therefore, the objective is to study about the management of maintenance order enforcement carried out at the Family Support Division in Kelantan. This study uses a qualitative method by interviewing a Shariah Officer, a Family Support Division Officer, an Academician and two women demanding maintenance. After that, this study applies the method of data collection analysis through documents and interviews using thematic methods. The results of this study found that there are four challenges in enforcing maintenance orders at BSK, namely neglect by the husband, long maintenance claim procedures, extensive use of documentation and a lack of BSK staff. However, the BSK Family Support Division in Kelantan especially is doing its best to help women obtain their rights. The progress of the administration of order enforcement also needs to be improved by the BSK so that this matter can contribute to the development Malaysia Madani. The core approach of Madani Malaysia aims to emphasize the development of a more socially advanced and harmonious Malaysian family and society.*

Keywords: *Family Support Division, administration, challenges, enforcement orders, women.*

Pendahuluan

Umum mengetahui bahawa nafkah merupakan perbelanjaan seseorang kepada ahli keluarga di bawah tanggungannya. Keperluan kehidupan seperti makanan, pakaian, tempat tinggal, dan keperluan asas yang lain merupakan nafkah dan sokongan kepada ahli keluarga mengikut kadar dan kemampuan suami (Umar, 1963). Dari sudut bahasa, nafkah bermaksud pergi atau mengeluarkan. Manakala dari sudut istilah nafkah bermaksud mengeluarkan perbelanjaan atau sara hidup kepada mereka yang dikehendaki untuk membiayainya. Nafkah dari segi bahasa

ialah pengeluaran atau perbelanjaan sesuatu oleh seseorang kepada seseorang yang lain. Manakala dari segi istilah feqah pula ia merupakan perbelanjaan atau sara hidup yang dikeluarkan oleh seseorang kepada yang layak menerima perbelanjaan dan keperluan daripadanya seperti isteri dan anak-anak di bawah tanggungannya (Wahbah al-Zuhaili, 2001). Pemberian nafkah kepada isteri dan anak-anak adalah seperti makanan, pakaian, tempat tinggal, perkhidmatan pembantu rumah, perubatan dan seumpamanya walaupun isteri tersebut bekerja dan berkemampuan (Umar, 1963).

Para ulama bersepakat menyatakan bahawa hukum suami mengeluarkan nafkah terhadap isteri adalah wajib dan hukum ini bertepatan dengan firman Allah yang dinyatakan sebagaimana berikut yang bermaksud “Hendaklah orang yang mampu memberi nafkah menurut kemampuannya. Dan orang yang disempitkan rezekinya hendaklah memberi nafkah dari harta yang diberikan Allah kepadanya. Allah tidak membebankan kepada seseorang melainkan sekadar apa yang Allah berikan kepadanya. Allah kelak akan memberikan kelapangan sesudah kesempitan.” (Surah Talaq 65:7, terjemahan oleh Abdullah Basmeih)

Begitu juga firman Allah swt dalam surah al-Baqarah ayat 233 yang bermaksud “Dan kewajipan bapa pula ialah memberi makan dan pakaian kepada ibu itu menurut cara yang sepatutnya. Tidaklah diberatkan kemampuannya.” (Surah al-Baqarah: 2:233, terjemahan oleh Abdullah Basmeih)

Merujuk kepada surah yang dinyatakan di atas, jelas menegaskan bahawa seorang bapa wajib memberikan nafkah kepada isterinya mengikut kadar dan kemampuan yang secukupnya. Suami atau bapa perlu memahami dengan mendalam makna sebenar tanggungjawab dan nafkah dalam mengharungi alam rumahtangga. Rumahtangga yang harmoni dan sejahtera adalah dengan menerapkan nilai-nilai Islam dalam diri serta mendidik isteri dan anak-anak dengan landasan yang betul bagi mencapai Sakinah, Mawaddah dan Rahmah.

Namun, pada masa kini isu kekeluargaan di Malaysia menjadi semakin rumit dan sangat membimbangkan. Rentetan keadaan ekonomi yang semakin mencabar ini, terdapat banyak kes-kes kekeluargaan seperti keganasan rumahtangga, perceraian, pengabaian nafkah dan kecurangan pasangan yang disiarkan di dada akhbar, televisyen dan media elektronik. Sebagaimana kes pengabaian nafkah, isu ini telah lama dibincangkan dan tidak pernah lekang dalam permasalahan isu kekeluargaan di negara kita (Berita Harian, 2023). Berdasarkan jumlah yang diterima oleh Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) mengenai tuntutan nafkah, sebanyak 9,429 kes tuntutan nafkah yang dituntut di seluruh Malaysia dari tahun 2022 sehingga 2023. Statistik juga menunjukkan sebanyak 4009 kes didaftarkan pada tahun 2022 dan 5420 kes pada tahun 2023 (Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia, 2024). Manakala kes tuntutan di Mahkamah Syariah Kelantan pula adalah sebanyak 1438 kes sepanjang tahun 2022 sehingga tahun 2023 (Jabatan Kehakiman Syariah Kelantan, 2024). Hal ini menunjukkan peningkatan yang ketara dalam masa satu tahun. Oleh yang demikian, rentetan daripada kes tuntutan yang sentiasa meningkat saban tahun, terdapat beberapa kekangan dan permasalahan yang timbul dalam menjayakan kes tuntutan selesai. Walaupun kes-kes tuntutan telah selesai dan mendapat perintah daripada Mahkamah Syariah, terdapat suami yang sengaja melanggar perintah tersebut. Namun begitu, kajian empirikal mengenai cabaran pentadbiran penguatkuasaan perintah nafkah khususnya dari sudut pelaksanaan di BSK Kelantan masih kurang diberi perhatian secara mendalam.

Bahagian Sokongan Keluarga (BSK) khususnya di Kelantan merupakan agensi yang bertanggungjawab untuk memastikan perintah tersebut dilaksanakan dengan sebaik mungkin oleh suami. Namun begitu, dalam menjayakan perintah tersebut, terdapat beberapa cabaran dalam mentadbir penguatkuasaan perintah nafkah antaranya kes perintah nafkah tertunggak. Keingkaran dan kegagalan suami melunaskan nafkah menyebabkan kes tertunggak sehingga berbulan dan bertahun. Tambahan lagi dengan pengurusan yang panjang dan sukar, ia juga merumitkan para wanita yang menuntut mendapatkan hak mereka dengan cepat (Md Abdul Salam & Mohd Khatib, 2020).

Bagi melaksanakan penguatkuasaan perintah mahkamah, wanita yang membuat aduan perlu membuat pendaftaran dan penyediaan dokumen-dokumen secara manual untuk membuktikan pihak suami belum melaksanakan perintah tersebut. Oleh itu, keadaan ini melambatkan penyelesaian kes nafkah dan memberi kesan negatif kepada para wanita. Selain itu, kekurangan kakitangan juga merupakan cabaran dalam penguatkuasaan perintah nafkah kerana untuk mewakili wanita ke Mahkamah Syariah mengendalikan kes, pegawai BSK perlu memiliki tauliah rasmi. Sekiranya tidak mempunyai tauliah, mereka tidak dapat mewakili plaintiff untuk menyelesaikan kes tunggakan dan terpaksa menunggu giliran meminta bantuan daripada Jabatan Bantuan Guaman (Buang et al., 2022). Oleh itu, melalui permasalahan yang dinyatakan, kajian ini ingin meneliti pengurusan penguatkuasaan perintah nafkah yang dijalankan di Bahagian Sokongan Keluarga khususnya di Kelantan. Hal ini kerana, Bahagian Sokongan Keluarga ditubuhkan bertujuan untuk membantu memudahkan urusan pengabaian perintah nafkah yang dikeluarkan oleh Mahkamah Syariah.

Kajian Literatur

Bahagian Sokongan Keluarga

Bahagian Sokongan Keluarga (BSK) merupakan bahagian yang ditubuhkan di bawah Jabatan Syariah Badan Kehakiman Malaysia (JKSM) berikutan aduan berhubung kes nafkah. Menyedari hakikat ini, kerajaan melalui Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Islam Malaysia, dalam mesyuaratnya yang ke-46 pada tahun 2007 yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri, memutuskan bahawa Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) harus mengambil tindakan segera untuk menyelesaikan isu nafkah. Selepas perbincangan dengan pelbagai pihak, Bahagian Sokongan Keluarga (BSK) telah dilancarkan pada 22 Oktober 2008, secara rasmi sebagai salah satu bahagian di bawah Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (Jabatan Keadilan Syariah Malaysia, n.d.). Tujuan penubuhan Bahagian Sokongan Keluarga (BSK) adalah untuk membantu isteri dan anak-anak dalam isu nafkah anak, nafkah *iddah*, nafkah isteri dan *mut'ah* yang tidak dilaksanakan oleh bekas suami selepas perintah mahkamah. Malahan, sebelum BSK ini ditubuhkan, hampir dua belas ribu kes yang berkaitan dengan nafkah anak, nafkah *iddah* dan nafkah isteri yang dilaporkan dalam akhbar dan media sosial. Sebelum wujudnya Bahagian Sokongan Keluarga (BSK), perintah nafkah tersebut tidak dilaksanakan oleh bekas suami dan tiada tindakan diambil oleh pihak isteri (Md Abdul Salam & Mohd Khatib, 2020). Oleh itu, penubuhan Bahagian Sokongan Keluarga (BSK) seolah memberi sinar harapan kepada wanita untuk mengambil langkah seterusnya kepada bekas suami.


Bahagian Sokongan Keluarga (BSK) mempunyai tiga Unit Penguatkuasaan untuk membantu pelancaran pengurusan wanita-wanita yang membuat aduan iaitu Unit Khidmat Nasihat Perundungan (UKNP), Unit Penguatkuasaan dan Pelaksanaan Perintah (UPPP) dan Unit

Pengurusan Dana (UPD) untuk memantapkan lagi pengurusan BSK. Setiap unit mempunyai tanggungjawab dan peranan masing-masing namun saling berkait antara satu sama lain. Unit Khidmat Nasihat Perundangan (UKNP) bertanggungjawab memberi nasihat dan membuat perancangan selanjutnya sekiranya memdapat aduan perintah nafkah tidak dilaksanakan. Pihak suami akan mendapat surat saman hadir ke BSK untuk membuat perundingan. Jika pihak suami gagal hadir, pihak UKNP akan mencari individu tersebut sehingga dapat dikesan. Jika kedua-dua pihak mempunyai persetujuan maka pihak UKNP akan mengeluarkan surat perjanjian persetujuan untuk keluarkan perintah penguatkuasaan. Seterusnya, jika kedua-dua tidak mempunyai persetujuan, maka pihak Unit Penguatkuasaan dan Pelaksanaan Perintah (UPPP) akan menjalankan tugas. Unit Penguatkuasaan dan Pelaksanaan Perintah (UPPP) yang mempunyai tauliah rasmi bertanggungjawab mengambil alih sebagai wakil dalam prosiding perbicaraan di Mahkamah Syariah untuk mendapatkan jenis penguatkuasaan yang sesuai kepada pihak suami untuk melunaskan tunggakan nafkah (Bahagian Sokongan Keluarga n.d.). Penguatkuasaan dan pelaksanaan perintah nafkah adalah berbentuk tindakan seperti Saman Penghutang Penghakiman, Notis Penghakiman, Penyitaan dan Penjualan, Hiwalah dan Perintah Pengkomitan yang mempunyai beberapa proses dan prosiding. Sementara menunggu keputusan pelaksanaan perintah nafkah, Unit Pengurusan Dana (UPD) akan membantu para wanita yang layak untuk mendapatkan wang pendahuluan dari BSK. Dana pendahuluan akan diberikan selama enam bulan dan pihak suami wajib membayar semula setelah penguatkuasaan nafkah dikeluarkan (Mahmod et al., 2021).



Rajah 1: Fungsi Unit BSK

Sumber: Bahagian Sokongan Keluarga



Rajah 2: Tindakan Penguatkuasaan dan Pelaksanaan Perintah Nafkah Bahagian Sokongan Keluarga

Sumber: Bahagian Sokongan Keluarga

Proses Penguatkasaan Perintah Nafkah

Berdasarkan penguatkuasaan dan pelaksanaan perintah nafkah yang dinyatakan sebelum ini, kajian ini akan menerangkan tiga penguatkuasaan perintah nafkah di Bahagian Sokongan Keluarga (BSK) iaitu Saman Penghutang Penghakiman, Penyitaan dan Penjualan, dan Hiwalah.

Samam Penghutang Penghakiman

Saman penghutang penghakiman adalah penguatkuasaan dan pelaksanaan perintah dalam Akta/Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah negeri-negeri di Malaysia. Peruntukan berkaitan saman penghutang penghakiman diperuntukkan dalam Enakmen Akta Tatacara Mal Mahkamah Syariah setiap negeri iaitu dalam Seksyen 175 sehingga 185 dan secara khususnya, peruntukan saman penghutang penghakiman boleh diteliti daripada Seksyen 176 sehingga 178 (Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah Kelantan, 2002). Saman penghutang penghakiman dimulakan dengan notis penghakiman. Berdasarkan Seksyen 176 (1), undang-undang memperuntukkan jika penghakiman mahkamah adalah untuk mendapatkan pembayaran wang, pemutang penghakiman berhak menguatkuasakan penghakiman yang bertanggungan di bawah penghakiman itu hadir di mahkamah untuk diperiksa secara lisan

tentang keupayaannya membayar untuk menyelesaikan hutang penghakiman atau mendapatkan apa-apa harta yang boleh digunakan bagi pembayaran itu. Manakala Seksyen 176 (2) pula memperuntukan tentang kaedah bagi memohon untuk mendapatkan saman penghutang penghakiman iaitu suatu permohonan bagi meminta kehadiran seseorang penghutang penghakiman di bawah subseksyen (1) hendaklah dibuat dengan memfailkan suatu permintaan dalam Borang MS 42 yang ditandatangani oleh pemohon atau Peguam Syarienya.

Oleh itu berdasarkan seksyen berikut, pihak yang ingin menuntut boleh hadir ke Mahkamah Syariah dan memohon perintah saman penghutang untuk dikeluarkan terhadap responden sekiranya berlaku kegagalan atau tunggakan perintah nafkah. Permohonan ini melalui dengan pemfailan di bawah Borang MS 2 dan dikepilkhan dengan afidavit atau keterangan sokongan. Dokumen ini merupakan salah satu pengukuhan terhadap perincian tunggakan sejak perintah dikeluarkan sehingga kes difailkan (Ismail, 2021). Setelah permohonan selesai, Mahkamah Syariah akan mengeluarkan saman penghutang penghakiman melalui Borang MS 43 yang dimeterai oleh hakim atau pendaftar mahkamah setelah berpuas hati dengan perbicaraan. Seterusnya, surat ini perlu diserahkan kepada penghutang penghakiman sekurang-kurangnya tujuh hari sebelum kes disebut di hadapan hakim dan penyerahan adalah melalui serahan secara kediri. Walaubagaimanapun sekiranya penyerahan tidak berjaya, peguam atau pihak yang menuntut boleh memohon kepada mahkamah untuk menyampaikan saman secara serahan ganti (Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah Kelantan, 2002).

Seterusnya, setelah surat saman dihantar dan tarikh perbicaraan telah diterima oleh penghutang penghakiman, maka pemeriksaan penghutang penghakiman akan dilakukan mengikut Seksyen 178 Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah Kelantan (2002). Seksyen ini memperuntukkan bahawa pada hari yang ditetapkan, pendengaran saman penghutang penghakiman, mahkamah boleh memeriksa penghutang penghakiman itu dan saksi-saksi lain dengan iqrar. Manakala subseksyen (2) pula menyatakan jika penghutang penghakiman tidak hadir pada hari yang ditetapkan untuk pendengaran saman itu, mahkamah boleh memerintahkan supaya dia ditangkap dan dibawa ke hadapan mahkamah untuk diperiksa atau membuat suatu perintah di bawah subseksyen (3) terhadap penghutang penghakiman itu. Subseksyen (3) menyatakan mahkamah boleh memerintahkan penghutang penghakiman membayar hutang penghakiman itu sama ada sekali gus dengan serta-merta atau dalam apa-apa masa yang ditetapkan oleh mahkamah atau dengan apa-apa ansuran yang hendaklah dibayar pada masa yang ditetapkan oleh mahkamah.

Sebagaimana contoh kes saman penghutang penghakiman di Bahagian Sokongan Keluarga Seksyen Negeri Kelantan telah membantu menyelesaikan kes notis penghakiman tunggakan *mut'ah* berjumlah RM11,000.00 pada 15 Julai 2024. Perintah *mut'ah* telah dikeluarkan pada Oktober 2017 yang berjumlah RM20,000. Namun begitu, Penghutang Penghakiman hanya membayar sebanyak RM9,000 sahaja melalui kes saman penghutang penghakiman. Oleh itu, Pemutang Penghakiman telah memfailkan kes notis penghakiman melalui BSK pada bulan Mac 2024. Setelah dibicara, Penghutang Penghakiman telah membuat bayaran tertunggak sebanyak RM7,000 pada bulan Jun 2024. Manakala baki RM4,000 telah dibayar pada Julai 2024 secara pindahan ke akaun bank Pemutang Penghakiman dan kes ini telah diklasifikasikan selesai secara sepenuhnya (Bahagian Sokongan Keluarga, 2024).

Begitu juga dengan kes saman penghutang penghakiman nafkah anak melalui BSK Kelantan dengan jumlah tunggakan sebanyak RM23,500. Setelah persetujuan kedua pihak Pemiutang Penghakiman dan Penghutang Penghakiman telah direkodkan, Hakim Mahkamah Syariah Pasir Puteh telah mensabitkan tunggakan nafkah anak sebanyak RM23,500 bermula September 2022 sehingga Oktober 2023. Oleh itu, bayaran hendaklah dilakukan secara ansuran sebanyak RM500 sebulan selama 47 bulan bermula Julai 2024 sehingga Mei 2028 melalui potongan pence Angkatan Tentera Penghutang Penghakiman. Melalui kes yang dinyatakan, jelas menunjukkan pihak Bahagian Sokongan Keluarga (BSK) Kelantan sedaya upaya memastikan pihak penghutang penghakiman membayar nafkah yang tertunggak. Proses permohonan untuk menyelesaikan kes tertunggak dilihat mengambil masa bertahun lamanya dan ia merupakan cabaran yang dihadapi dalam pelaksanaan ini (Bahagian Sokongan Keluarga, 2024).

Penyitaan dan Penjualan

Penyitaan dan penjualan merupakan perintah penguatkuasaan yang diperuntukkan dalam Seksyen 160 (Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah Kelantan, 2002). Oleh itu, merujuk kepada akta tersebut, sitaan bermaksud mengambil atau merampas harta daripada seseorang dengan perintah mahkamah atau polis. Perampasan harta adalah merupakan gentian kepada hutang yang gagal dibayar kepada pihak pemiutang. Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah Kelantan (2002) telah memperuntukkan sekiranya penghutang gagal melunaskan hutangnya selepas perintah tunggakan saman penghutang penghakiman disahkan, maka penyitaan dan penjualan boleh dilakukan melalui Seksyen 160. Peruntukan hendaklah terpakai apabila pelaksanaan dengan cara penyitaan dan penjualan diperintahkan bagi apa-apa harta. Dalam peruntukan ini bailif tertakluk kepada peruntukan kemudian daripada ini, mengambil harta itu dan meletakkan dalam jagaannya. Sekiranya harta itu terdiri daripada syer, saham, debentur atau bon yang tidak boleh dipindahkan melalui penghantar serahan dalam apa-apa pinjaman atau kumpulan wang, maka hendaklah menyampaikan kepada pihak berkuasa yang berkenaan suatu salinan perintah bagi pelaksanaan dalam Borang MS 36 bersama-sama dengan perihalan yang mencukupi mengenai syer, saham, debentur atau bon yang disita itu. Setelah itu, tiada pemindahan syer, saham, debentur atau bon itu boleh didaftarkan kecuali dengan kebenaran mahkamah.

Segala faedah atau dividen berkenaan dengan syer, saham, debentur atau bon itu hendaklah dibayar ke dalam mahkamah sehingga mahkamah memerintahkan selainnya atau membenarkan pemindahannya. Selepas harta itu disita, segala pemberi milikan atau pelupusan harta yang disita itu hendaklah dengan kebenaran mahkamah. Sekiranya tidak mendapat kebenaran, ianya tidak sah dan perbuatan tersebut merupakan suatu penghinaan mahkamah. Pada bila-bila masa sebelum penjualan, pemiutang penghakiman boleh meminta bailif melepaskan apa-apa harta tertentu dan pelepasan itu tidak boleh disifatkan sebagai suatu penghentian pada keseluruhan pelaksanaan. Pemiutang penghakiman juga boleh menghentikan pelaksanaan dan bailif hendaklah memulangkan perintah pelaksanaan itu kepada mahkamah melainkan jika harta yang disita itu merupakan wang. Kemudian bailif boleh meneruskan penjualan harta itu dan selepas pelaksanaan selesai, bailif perlu membuat suatu penyata berhubungan dengan pelaksanaan itu dan mengemukakannya kepada pendaftar mahkamah. Oleh itu, melalui peruntukan di atas, permohonan penyitaan dan penjualan dapat dilaksanakan mengikut proses yang ditetapkan. Harta-harta yang ingin disita boleh dalam bentuk harta tidak alih dan harta alih yang mempunyai nilai yang sesuai dengan hutang penghutang penghakiman (Ismail & Sulong, 2022).

Sebagaimana contoh kes di Kelantan antara *Wani lwn Fauzi* (2017), penghutang telah berhutang dengan pemutang dalam kes tunggakan nafkah anak sebanyak RM8,500. Pada 17/7/2017, peguam dan bailif dari BSK Kelantan yang diwakilkan oleh pemutang telah melakukan sitaan di premis penghutang penghakiman. Barang-barang yang disita adalah kabinet tv, ketuhar, perakam video, kipas angin dan television sebesar 29 inci dan dicatatkan di dalam inventori. Jumlah keseluruhan barang yang disita adalah sebanyak RM500. Barang yang disita telah dibawa ke stor mahkamah dan dilelong pada 31/7/2017 iaitu selepas dua minggu disita. Walaubagaimanapun, sehari sebelum barang tersebut dilelong, wakil dari penghutang telah datang ke pejabat BSK dan menyelesaikan tunggakan tersebut. Wakil penghutang juga bersetuju bahawa baki tunggakan sebanyak RM8,000 akan dibayar secara ansuran sehingga selesai dan kes ditutup. Oleh itu, berdasarkan kes yang dinyatakan ianya jelas menunjukkan pihak suami telah melambatkan bayaran nafkah sehingga pihak peguam dan bailif mengambil tindakan untuk menyita dan menjual harta miliknya.

Hiwalah

Hiwalah dalam perundangan merupakan proses pemindahan wang atau hak milik melalui akaun bank atau institusi kewangan bekas suami atau bapa yang culas dalam pemberian nafkah oleh pihak Mahkamah Syariah (Mokhtar et. al, 2021). Permohonan hiwalah mempunyai beberapa proses yang diperuntukkan melalui Seksyen 161. Pelaksanaan hiwalah, perintah pelaksanaan dan notis hiwalah hanya berkuatkuasa selama tempoh tiga bulan sahaja. Sekiranya perintah pelaksanaan dan notis hiwalah diperoleh dan tidak diserahkan kepada pihak bank selama lebih daripada tempoh tiga bulan, maka perintah pelaksanaan dan notis hiwalah tersebut terbatal mengikut Seksyen 161(2)(k) Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah Kelantan 2002. Sebelum permohonan hiwalah dilakukan, pihak yang menuntut perlu mengetahui penghutang atau bekas suami mempunyai akaun bank yang telah didaftarkan untuk memaklumkan kepada pihak hakim mahkamah sebelum permohonan dibenarkan (Ismail, 2022). Setelah perintah pelaksanaan diperoleh, dokumen perintah pelaksanaan dan notis hiwalah akan dikeluarkan. Kedua-dua dokumen tersebut perlu diserahkan kepada pihak bank melalui bailif mahkamah untuk tindakan menahan atau membekukan akaun milik bekas suami atau penghutang sebagaimana Seksyen 161(2)(a) Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah Kelantan 2002 menyatakan peruntukan yang berikut hendaklah terpakai jika pelaksanaan diperintahkan melalui penahanan harta dalam milikan atau kawalan seseorang *muhal 'alaiah* (pihak ketiga). Bailif hendaklah menyampaikan kepada *muhal 'alaiah* (pihak ketiga) suatu notis hiwalah dalam Borang MS 37.

Melalui peruntukan di atas, bailif perlu menyampaikan perintah pelaksanaan iaitu notis hiwalah kepada pihak bank bagi menahan atau membekukan akaun bank tersebut. Notis ini terdapat dalam Borang MS 35 yang mendapat kebenaran daripada pendaftar sahaja dan Borang MS 37 yang ditandatangan oleh Pendaftar atau hakim. Dalam Borang MS 37, terkandung notis bantahan sekiranya ada bantahan daripada pihak bank. Setelah penyerahan dilakukan oleh bailif, maka pihak bank perlu bertindak dalam tempoh 14 hari pindahan kredit. Sekiranya terdapat bantahan, peguam yang diwakilinya boleh membantah dengan menggunakan borang yang sama kepada mahkamah. Setelah bantahan dibuat, pihak bailif akan menyerahkan saman kepada pihak ketiga bagi kehadiran ke mahkamah untuk mengemukakan apa-apa alasan yang menyokong terhadap bantahannya itu.

Sebagaimana yang diperuntukkan dalam Seksyen 161(2)(d) Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah Kelantan 2002 menyatakan peruntukan berikut hendaklah terpakai jika pelaksanaan diperintahkan melalui penahanan harta dalam milikan atau kawalan seseorang *muhal 'alaiah* (pihak ketiga). Jika *muhal 'alaiah* (pihak ketiga) tidak membuat pembayaran atau pengantar serahan, bailif boleh menyampaikan kepadanya suatu saman hiwalah dalam Borang MS 39 dan mahkamah hendaklah memeriksanya tentang harta yang ditahan itu.

Oleh itu, melalui Borang MS 39, mahkamah akan mengeluarkan saman kepada pihak bank untuk hadir ke mahkamah bagi memberi keterangan terhadap bantahan pembekuan akaun tersebut. Saman yang telah ditandatangani oleh hakim ataupun pendaftar, hendaklah diserahkan secara kediri kepada pihak bank. Saman ini perlu diserahkan kepada pihak bank atau peguamnya pada tujuh hari setelah notis bantahan diterima. Kehadiran pihak mahkamah adalah bertujuan untuk menyiasat secara terperinci sebab keingkaran mematuhi perintah mahkamah. Sekiranya alasan yang diberikan tidak diterima, maka mahkamah akan menolak notis bantahan tersebut dan pihak bank perlu melaksanakan perintah hiwalah. Sekiranya alasan yang dikemukakan oleh pihak bank diterima, maka mahkamah akan membatalkan pelaksanaan hiwalah tersebut dan pihak yang menuntut perlu memfailkan jenis penguatkuasaan yang lain berdasarkan Akta Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Ismail & Sulong, 2022). Berdasarkan statistik permohonan hiwalah di Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia 2023, Negeri Kelantan dilihat tidak mempunyai permohonan tuntutan hiwalah berbanding di Selangor dan Pulau Pinang masing-masing mencatatkan 14 dan 10 tuntutan hiwalah (Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia, 2023).

Melalui kes tuntutan hiwalah BSK Pulau Pinang dalam kes *Huda lwn Sharil* (2022), pemutang telah menuntut tunggakan nafkah sebanyak RM195,100 di mahkamah dengan tuntutan penguatkuasaan hiwalah. Perintah pelaksanaan dan notis hiwalah diserahkan kepada CIMB setelah mendapat kebenaran mahkamah. Namun begitu, wang yang terdapat dalam akaun bank penghutang adalah sebanyak RM7,189.00. Sebelum pemindahan dibuat, akaun bank penghutang telah dibekukan dan segala traksaksi tidak dapat diakses. Pemindahan tersebut terus dilaksanakan oleh bank dengan segera dan akhirnya pemutang memperoleh bayaran sebanyak sejumlah RM6,869.00 wang setelah ditolak kos bank. Dengan pemindahan tersebut, kes ditutup dan baki lagi pemutang perlu memohon semula untuk tindakan penguatkuasaan (Ismail, 2023).

Berdasarkan kajian literatur yang dinyatakan, pelaksanaan penguatkuasaan perintah nafkah mempunyai beberapa pengurusan yang panjang untuk diselesaikan. Sebelum memohon pelaksanaan di Bahagian Sokongan Keluarga, pihak yang menuntut atau wanita perlu melalui proses tuntutan nafkah di Mahkamah Syariah terlebih dahulu kemudian jika perintah tersebut tidak dilaksanakan, pihak yang menuntut akan ke Bahagian Sokongan Keluarga untuk proses seterusnya. Hal ini menunjukkan cabaran yang serius dihadapi oleh para ibu atau wanita untuk mendapatkan hak mereka. Penambahbaikan terhadap penguatkuasaan perintah nafkah di Bahagian Sokongan Keluarga khususnya Kelantan dilihat belum mendapat perhatian dan penyelidikan yang terperinci. Oleh itu, kajian ini ingin menggariskan cabaran yang dihadapi oleh Bahagian Sokongan Keluarga Kelantan untuk meningkatkan kredibiliti dan pengurusan yang mutu.

Metodologi

Metod kajian yang digunakan dalam kajian ini adalah dengan pendekatan kualitatif bagi mengenalpasti dan mengkaji dengan lebih mendalam tentang sesuatu isu yang berhubungkait dengan sesuatu kajian dengan memberi perhatian kepada data ilmiah (Jasni, 2012). Kajian ini memperolehi pengumpulan data melalui kaedah analisis kandungan dokumen dan temubual. Pengumpulan data melalui dokumen dalam kajian ini terbahagi kepada dua sumber iaitu sumber primer dan sumber sekunder. Sumber primer melalui kajian al-Quran dan hadis, serta penulisan dan karya ulama di dalam kitab mereka yang muktabar dari sisi mazhab. Sumber sekunder pula melalui kajian-kajian para ilmuwan dan sarjana di dalam penyelidikan mereka sama ada melalui penulisan tesis, buku, surat khabar, jurnal, majalah, kertas seminar, media atas talian seperti laman sesawang rasmi organisasi yang diiktiraf sama ada dalam Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris atau Bahasa Arab dan pelbagai jenis penulisan yang dipersembahkan. Kaedah temubual yang digunakan oleh pengkaji adalah bersesuaian yang mana pengkaji akan menyediakan beberapa soalan sebelum memulakan sesi temubual. Seramai lima orang responden yang ditemubual mengikut empat kriteria yang digariskan oleh Jamil dan Mat Noh (2020) iaitu yang pertama mempunyai pengalaman lebih dari 5 tahun dalam bidang tersebut, kedua mempunyai kemahiran dan pengetahuan yang tinggi dalam bidangnya, ketiga dapat memberi komitmen yang baik terhadap kajian dan memberi pandangan yang bernes dan sukarela dalam kajian yang dijalankan. Manakala bagi responden wanita yang menuntut nafkah, kajian ini menggunakan persampelan bola salji “snowball”. Persampelan bola salji “snowball” dipilih daripada seorang informan yang telah dikenalpasti cirinya yang memenuhi keperluan kajian sebagai permulaan membawa kepada orang seterusnya sebagai sampel (Parker et al., 2019). Oleh itu, kajian menentukan sampel wanita yang menuntut nafkah dengan kaedah bola salji “snowball” berdasarkan ciri yang telah ditentukan. Responden yang dipilih kemudiannya memperkenalkan kepada responden seterusnya yang memiliki ciri sampel yang sama. Proses tamat apabila maklumat mencukupi dan telah benar-benar menjawab kesemua persoalan kajian.

Oleh itu, kajian ini memilih seorang Pegawai Syariah Mahkamah Syariah Kelantan, seorang Pegawai Bahagian Sokongan Keluarga Kelantan, seorang Ahli Akademik dan dua orang wanita Kelantan yang menuntut tuntutan nafkah. Pengumpulan data dalam kajian ini adalah dengan kaedah temubual bersama responden selama 45 minit hingga dua jam bagi mendapatkan maklumat yang tepat. Sebagaimana yang telah disarankan oleh Morrison et al. (2012) tempoh temubual ini bersesuaian untuk dijalankan bagi mencapai maklumat yang jelas. Setiap dapatan temubual akan dicatat secara transkrip dan akan diperiksa berulangkali bagi mendapatkan ketepatan data.

Kemudian data temubual akan dianalisis menggunakan kaedah tematik. Berdasarkan kajian Braun dan Clarke (2006), terdapat enam kaedah tematik iaitu pertama memahami data, kedua mengenalpasti kod awal, ketiga mencari tema, keempat mengkaji tema, kelima menamakan tema dan keenam menghasilkan laporan. Berdasarkan kaedah analisis tematik, pengkaji membaca berulang kali transkrip yang dicatat bagi mendapat kefahaman yang jelas serta menghasilkan dan mengenalpasti kod yang sesuai. Kemudian, pengkaji membina tema yang sesuai dan lebih terperinci berdasarkan data gabungan dan bandingan temubual responden-responden. Seterusnya, pengkaji meletakkan tema berdasarkan kod yang sesuai dan menamakan tema yang bersesuaian dengan topik kajian. Pada peringkat terakhir, pengkaji menghasilkan laporan dengan mengeluarkan petikan yang berkaitan dengan soalan kajian.

Setelah itu, kajian ini juga menjalankan kesahan dan kepercayaan terhadap tema yang dibina dengan melantik dua orang pakar untuk mengesahkan tema yang dibina. Oleh itu, pengkaji menggunakan pendekatan ini untuk menyokong setiap dapatan temubual yang diperoleh.

Dapatan dan Perbincangan

Objektif kajian ini adalah ingin meneliti cabaran yang dihadapi dalam pengurusan penguatkuasaan perintah nafkah yang dijalankan di Bahagian Sokongan Keluarga Kelantan. Oleh itu, Jadual 1 menunjukkan hasil temubual yang jelas menunjukkan bahawa cabaran pengurusan di BSK tidak boleh dipandang ringan.



Rajah 3: Cabaran Bahagian Sokongan Keluarga (BSK) Kelantan dalam Mentadbir Penguatkuasaan Perintah Nafkah

Jadual 1: Cabaran Bahagian Sokongan Keluarga (BSK) Kelantan dalam Mentadbir Penguatkuasaan Perintah Nafkah

Tema	Analisis	Teks Kod
1) Pengabaian suami	pihak suami	<p>Pendidikan dalam rumah tangga sangat penting kepada suami untuk menjadi seorang yang bertanggungjawab. Oleh itu, pengurusan rohani dan penguatkuasaan yang tegas perlu dipertingkatkan.</p> <ul style="list-style-type: none"> - Pelbagai alasan yang diberikan oleh pihak suami untuk menyelesaikan kes tuntutan. (Responden 2) - Proses yang panjang dan tertangguh adalah sebab pihak satu lagi yang lalai untuk bayar dan ini cabaran paling besar untuk BSK. (Responden 3) - Bila mahkamah panggil untuk hadir, suami tidak memberi kerjasama, tidak hadir ke mahkamah dan menghilang. (Responden 1) - Isu-isu miskin dan tiada duit bukan isu utama tetapi isu yang banyak diterima dan dilihat adalah isu tidak mahu bayar dan tiada kerja tetap. (Responden 3) - Kerenah bekas suami sendiri yang kadang-kadang sengaja menyusahkan dan attempt to memanjangkan kes. (Responden 5)

2) Prosedur yang panjang	<p>Mahkamah syariah telah mempunyai sistem yang aktif iaitu e-Syariah dan e-nafkah untuk membantu pengurusan tuntutan nafkah. Prosedur yang singkat dan memudahkan semua pihak perlu dikuatkuasakan</p>	<ul style="list-style-type: none"> - <i>Kalau perintah keluar dan perintah tak ditunaikan menjadikan masalah dan perlu buat perintah baru atau kuatkuasa perintah. Masa untuk kuatkuasa perintah ada benda lain pulak guna yang jadi lambat. Ini yang menyebabkan kes panjang dan rumit.</i> (Responden 3) - <i>Banyak mendapat rungutan daripada pihak-pihak kerana banyak prosedur tetapi hakim suka menggunakan konsep prosedur yang ada kerana itu lebih mudah bagi pihak mahkamah.</i> (Responden 3) - <i>Undang-undang berkaitan tuntutan nafkah dari mahkamah syariah sampai ke BSK terlalu banyak dalam Enakmen Tatacara, seksyen tu dan agak susah, makan masa yang panjang.</i> (Responden 2) - <i>Perjalanan satu kes selesai kebanyakannya mengambil masa dari satu ke dua tahun. Dari tuntutan di Mahkamah Syariah sampai ke BSK, plaintiff dan defendant kena ikut setiap prosedur.</i> (Responden 1) - <i>Lepas dapat keputusan nanti, Saya pun tak tahu lah macam mana nak cari bekas suami, sebab saya faham kalau tak ada maklum balas daripada pihak sana, saya terpaksa buka fail saman penghutang pula di BSK.</i> (Responden 5)
3) Penggunaan dokumentasi banyak	<p>Penggunaan digital dilihat salah satu inisiatif yang baik kepada mahkamah syariah jika dapat dilaksanakan</p>	<ul style="list-style-type: none"> - <i>Banyak dokumen dan prosedur perlu disediakan yang membuatkan kes menjadi berlarutan. Sepatutnya di BSK dokumen ambil dari keputusan mahkamah sebelum ini.</i> (Responden 3) - <i>Prosedur yang ada pada sekarang ini merumitkan dan banyak dokumentasi yang diperlukan.</i> (Responden 3) - <i>Kalau ada kes dan apa-apa pendaftaran yang nak didaftarkan, kena pergi mahkamah dan mahkamah akan isi. Contoh untuk ambil tarikh kes, nombor kes, buat bayaran dan sebagainya. Semuanya kena secara manual cuma kita boleh download borang sahaja.</i> (Responden 4) - <i>Sepatut boleh mudahkan atau pendekkan pengurusan dan boleh libatkan terus pihak-pihak berkuasa yang lain untuk bantuan, macam polis dan sebagainya.</i> (Responden 5)
4) Kekurangan kakitangan BSK	<p>Semua pihak perlu mengambil peranan untuk mempertingkatkan daya kerja yang positif dan dedikasi. Kekurangan</p>	<ul style="list-style-type: none"> - <i>Hakim mempunyai kekangan seperti tidak dapat hadir ke hari perbicaraan, mengikut program dan sebagainya. Perbicaraan kes akan ditangguhkan bila hakim bercuti,</i>

-
- kakitangan memberi impak yang besar kepada pihak penuntut.
- *sakit, kursus dan sebagainya. (Responden 1)*
 - *Masa yang lama diambil untuk selesai satu-satu kes, antaranya mahkamah sangat mudah untuk menangguhkan kes atas alasan yang remeh daripada defendant. Ramai yang tak ada masa yang mewah untuk dilaburkan. (Responden 4)*
 - *Ada juga kes kekurangan staff yang menyebabkan kekangan kes. Hakim pun tak ramai. (Responden 2)*
-

Berdasarkan dapatan yang diperoleh, pengkaji mendapati terdapat empat cabaran yang boleh disimpulkan dalam pentadbiran Pelaksanaan Penguatkuasaan Perintah Nafkah di BSK. Antara cabaran yang dirumuskan ialah pengabaian pihak suami, prosedur yang panjang, penggunaan dokumentasi yang banyak dan kekurangan kakitangan BSK. Melalui tema yang pertama iaitu pengabaian pihak suami, dapat disimpulkan bahawa sikap tanggungjawab untuk keluarga tidak diterapkan dalam diri individu tersebut. Pada zaman kini, pelbagai kekangan dan tekanan yang dihadapi untuk mendapatkan nafkah yang mencukupi. Namun, jika seseorang itu mengetahui ilmu rumahtangga serta bertanggungjawab, mereka akan sentiasa berusaha dan tidak lalai untuk menafkahi keluarga. Kajian ini juga disokong dalam dapatan Ismail dan Sulong (2022) yang menjelaskan suami tidak mempunyai tanggungjawab menjelaskan bayaran nafkah walaupun Mahkamah Syariah telah memerintahkan penghutang membayar nafkah tersebut.

Seterusnya, prosedur yang panjang bagi tema yang kedua juga merupakan satu cabaran dalam penguatkuasaan perintah nafkah. Hal ini kerana, sebelum membuat penguatkuasaan di BSK, Mahkamah Syariah telah memerintahkan pihak suami untuk membayar jumlah nafkah. Setiap butiran dan dokumen telah disimpan di mahkamah. Oleh itu, pengkaji mendapati responden bersetuju mengatakan prosedur boleh disingkatkan di BSK sekiranya berlaku perlanggaran perintah nafkah. Berdasarkan Zulzaidi & Ahmad Hidayat (2022), pengurusan di Mahkamah Syariah perlu lebih agresif seperti Mahkamah Sivil untuk pemerkasaan perintah nafkah. Selain itu, bagi tema ketiga penggunaan dokumentasi yang banyak juga dipersetujui oleh responden. Hal ini kerana, pada zaman teknologi ini, semua jabatan berusaha untuk mengurangkan penggunaan dokumen secara manual. Namun, di Mahkamah Syariah dan BSK Kelantan dilihat masih aktif menggunakan dokumen secara manual. Selain itu, penerimaan dokumen digital sebagai pembuktian masih menjadi perdebatan dalam kalangan ulama sama ada diiktiraf sebagai bukti di mahkamah. Sesetengah pihak sangat susah untuk menerima dokumen digital sebagai bukti kerana bimbang terdapat unsur penipuan (Wan Ismail et. al, 2019).

Tema yang terakhir adalah melibatkan kakitangan di BSK yang kurang mencukupi untuk melancarkan pengurusan tuntutan. Pengkaji mendapati isu ini telah lama dibincangkan di semua jabatan dan kekurangan kakitangan telah berlaku kepada semua jabatan kerajaan. Yaacob (2022) menjelaskan penambahbaikan kakitangan hakim-hakim Mahkamah Syariah dan Pendaftar Mahkamah serta taraf dan kedudukan beliau memberi banyak perubahan dan telah mengalami banyak perubahan. Namun begitu, jika dibandingkan dengan Hakim Mahkamah Tinggi Sivil masih tidak setara. Oleh itu, melalui dapatan ini, pengkaji merumuskan BSK telah berusaha untuk membantu dan mempercepatkan penguatkuasaan perintah.

Kesimpulan

Kesimpulannya, penubuhan Bahagian Sokongan Keluarga (BSK) telah mewujudkan jalan baru bagi masyarakat Islam di Malaysia untuk mengakses perkhidmatan yang dilaksanakan dengan lebih berkesan dan mempunyai pengaruh yang lebih besar. Melalui peruntukan ini, isteri mempunyai peluang untuk menuntut semula haknya yang telah diabaikan oleh suami dan meminta mahkamah untuk mengambil tindakan sewajarnya jika suami enggan membayarnya semasa perkahwinan atau selepas perceraian. Walau bagaimanapun peruntukan ini perlu lebih proaktif untuk mengukuhkan penguatkuasaan dan pelaksanaan perintah mahkamah.

Melalui dapatan tema yang diperoleh, pengkaji mencadangkan agar Tabung Amanah diwajibkan kepada setiap pasangan yang mendirikan rumah tangga supaya apabila timbul isu nafkah, pihak isteri boleh menuntut wang di Tabung Amanah yang dikumpulkan sepanjang tempoh perkahwinan. Walaubagaimanapun, Akta berkaitan perkara ini perlu ditubuhkan dan disemak dengan teliti. Tambahan lagi, Undang-Undang Islam di Malaysia mempunyai perbezaan dan memerlukan kajian lanjut terhadap cadangan ini. Oleh itu, kemajuan pentadbiran penguatkuasaan perintah perlu ditingkatkan oleh BSK Kelantan supaya perkara ini dapat disumbangkan kepada pembangunan Malaysia Madani. Pendekatan teras Malaysia Madani yang diperkenalkan oleh Perdana Menteri Malaysia, adalah bertujuan menekankan pembangunan keluarga dan masyarakat Malaysia yang lebih berkembang secara sosial dan harmoni.

Penghargaan

Setinggi-tinggi penghargaan kepada Universiti Teknologi Mara Kampus Dungun Cawangan Terengganu serta responden kajian daripada Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Kelantan dan Pensyarah Universiti yang terlibat atas sokongan dan kerjasama yang telah diberikan sepanjang pelaksanaan kajian ini. Segala sumbangan amat dihargai dan menjadi asas kejayaan kajian ini.

Rujukan

- Abdullah Basmeih. 2022. *Tafsir Pimpinan al-Rahman Kepada Pengertian al-Quran*. Kuala Lumpur, Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri.
- Berita Harian, (2023). Tiada persefahaman, curang, campur tangan mentua antara punca utama cerai <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/11/1182841/tiadapersefahaman-curang-campur-tangan-mentua-antara-punca-utama>
- | | | |
|----------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----------|
| Bahagian | Sokongan | Keluarga, |
| | https://www.malaysia.gov.my/portal/content/28866?language=my | |
- Bahagian Sokongan Keluarga. Laman Facebook Bahagian Sokongan Keluarga. <https://www.facebook.com/bahagiansokongankeluarga>
- Buang, A. H., Mat Hussin, M. N., & Daud, M. Z. (2022). Penghakiman mahkamah syariah malaysian: analisis kes-kes terpilih: Shariah Court Judgement in Malaysia: An Analysis of Selected Cases. *Jurnal Syariah*, 29(3), 509–534. <https://doi.org/10.22452/syariah.vol29no3.7>
- Braun, V., & Clarke, V. (2006). Using thematic analysis in psychology. *Qualitative Research in Psychology*, 3(2), 77–101. <https://doi.org/10.1191/1478088706qp063oa>
- Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah Kelantan 2002 <https://fliphml5.com/myaus/kpex/basic>
- Ismail, M. H. (2023). Pembekuan Akaun Bank Melalui Penghakiman Hiwalah Di Mahkamah Syariah. *Journal of Contemporary Islamic Law*, 8(1): 1-11. <https://doi.org/10.26475/jcil.2023.8.1.01>
- Ismail, M. H. (2022). Pelaksanaan Waran Tangkap oleh Pihak Polis dalam Kes Tunggakan Nafkah di Mahkamah Syariah. 30 JUUM 51 – 60. <https://doi.org/10.17576/juum-2022-30-05>
- Ismail, M. H., & Sulong, J. (2022). Penguatkuasaan penghakiman sita dan jual : pelaksanaan dan kekangan di Mahkamah Syariah. Pusat Penyelidikan Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia 2022. *Journal of Contemporary Islamic Law*, 7 (1). 91-101. ISSN 0127-788X.
- Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia. 2024. Statistik Pendaftaran Kes Nafkah Mahkamah Syariah Seluruh Malaysia
- Jabatan Kehakiman Syariah Kelantan. 2024. Statistik Pendaftaran Kes Nafkah Mahkamah Syariah Kelantan
- Mohd Jamil, M. R., & Mat Noh, N. R. (2020). Kepelbagai Metodologi Dalam Penyelidikan: Reka Bentuk dan Pembangunan. Qaisar Prestige Resources Shah Alam, Selangor, 2020.
- Jasni, K. J. (2012). Metodologi Pengumpulan Data dalam Penyelidikan Kualitatif. Conference: Kursus Penyelidikan Kualitatif Siri 1 2012. Universiti Teknologi Malaysia.
- Mahmod, Z., Buang, A. H., & Basir, A. (2021). Cabaran Penguatkuasaan Penghakiman Mahkamah Syariah: Kajian Peranan Bahagian Sokongan Keluarga Terhadap Hak Wanita dan Kanak-Kanak di Sarawak. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 6(10), 252 - 267, 2021. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v6i10.1075>
- Md Abdul Salam, N. Z., & Mohd Khatib, N. S. (2020). Isu Tunggakan Nafkah: Keperluan Penubuhan Bahagian Sokongan Keluarga (BSK): Arrears of Maintenance Issues: Requirements of Family Support Division (BSK) Establishment. *Journal of Muwafaqat*, 3(1), 38–51. <https://muwafaqat.uis.edu.my/index.php/journal/article/view/16>

- Mokhtar, M. F., Ahmad Maulana, S. F., Jamil, S. A., & Apandi, M. F. A. (2021). Jenis-Jenis Penguatkuasaan Dan Pelaksanaan Perintah Di Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan: Satu Pengenalan. Undang-Undang Keluarga Islam di Malaysia: Teori, Amalan dan Pelaksanaan: JKSM & Kuliyyah Undang-Undang Ahmad Ibrahim UIAM. Hlm 312.
- Morrison, M. A., Sheehan, K., Haley, E., & Taylor, R. E. (2012). Using Qualitative Research in Advertising: Strategies, Techniques and Applications. Thousand Oaks, Sage Publications.
- Parker, C., Scott, S., & Geddes, A. (2019). Snowball Sampling. SAGE Publications. <https://doi.org/10.4135/9781526421036831710>
- Umar Abd Allah. (1963). Ahkam Al-Syar“Iyyah Al-Islamiyyah Fi Al-Ahwal A-Syakhiyyah. Cet. 4. Kaherah: Darul Ma’Arif.
- Wan Ismail, W. A. F., Abdul Shukor, S., Hashim, H., Mutalib, L. A., & Baharuddin, A. S. (2019). The Reality on Application and Challenges of Closed-Circuit Television (CCTV) Images as Evidence in Shariah Criminal Cases in Malaysia. *Humanities & Social Sciences Reviews*, 7 (6), 356-361. <https://doi.org/10.18510/hssr.2019.7661>
- Wani lwn Fauzi. (2017). Mahkamah Rendah Syariah Jajahan Machang di Negeri Kelantan No. Kes Mal: 90/2017
- Yaacob, A. M. (2022). Mahkamah syariah dari abad ke abad: Shariah Courts from Century to Century. *Jurnal Syariah*, 29(3), 371–396. <https://doi.org/10.22452/syariah.vol29no3.2>
- al-Zuhaili. Wahbah. (2001). al-Fiqh al-Islami wa adillatuhu, Syed Ahmad Syed Hussain et al (terj.), j. 7, cet. 3. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.